

MAHATHIR - ISLAM

KUALA TERENGGANU, 2 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, PETANG INI MENGAJAK SEMUA UMAT ISLAM, TERMASUK YANG DI LUAR NEGERI SUPAYA MENYELESAIKAN SEBARANG SENGKETA SESAMA SENDIRI SECARA MUSYAWARAH BERDASARKAN KEPADA AJARAN QURAN DAN HADIS.

SAMBIL MENYEBUT KRISIS TELUK SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG FAEDAH DARIPADA PERPECAHAN SESAMA UMAT ISLAM ITU.

+APA YANG NYATA IALAH PERPECAHAN DAN SENGKETA SESAMA UMAT ITU AKAN HANYA MEMUDAHKAN LAGI MUSUH-MUSUH ISLAM MENGEKSPLOITASI, MEMPERALAT DAN MENINDAS UMAT DAN NEGARA ISLAM,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KOMPLEKS PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU DI GONG BADAK, DEKAT SINI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENEMPATAN BALA TENTERA ASING DI ARAB SAUDI EKORAN DARIPADA PENAKLUKAN IRAQ KE ATAS KUWAIT ITU JELAS MENUNJUKKAN BAGAIMANA ORANG BUKAN ISLAM DAPAT MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA ANGKARA ORANG ISLAM SENDIRI. -- LAGI
1951MST 02 10 90

0009

U B281 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA TERENGGANU

BELIAU BERKATA PERPECAHAN SESAMA ISLAM KIAN MERUNCING SEJAK KEBELAKANGAN INI SEHINGGA MELAHIRKAN PELBAGAI JENIS MAZHAB DAN KUMPULAN YANG BERCANGGAH, TERMASUK KUMPULAN-KUMPULAN POLITIK.

+KELAHIRAN MAZHAB DAN KUMPULAN ITU HANYA MENJADIKAN UMAT ISLAM BERTAMBAH LEMAH DAN MUDAH DIPERALATKAN OLEH ORANG LAIN,+ KATANYA SAMBIL MENYEBUT BAHAWA KESEMUA KUMPULAN DAN MAZHAB ITU BOLEH BERSATU DI BAWAH PANJI-PANJI ISLAM JIKA SEGALA PERSELISIHAN YANG MEREKA HADAPI DISELESAIKAN SECARA MUSYAWARAH DENGAN MERUJUK KEPADA QURAN DAN HADIS.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PERPECAHAN MENJADI BERTAMBAH BURUK APABILA AJARAN-AJARAN QURAN DAN HADIS ITU DISALAH TAFSIRKAN OLEH SESETENGAH GOLONGAN YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN TERTENTU.

PERDANA MENTERI MEMUJI KERAJAAN TERENGGANU KERANA DAYA USAHANYA MENERUSI YAYASAN ISLAM NEGERI MENUBUHKAN SEBUAH KOMPLEKS PERCETAKAN YANG SUDAH PASTI DAPAT MENAMBAHKAN LAGI BAHAN-BAHAN BACAAN ILMIAH YANG MENGANDUNGI MAKLUMAT-MAKLUMAT ATAU TAFSIRAN YANG TEPAT TENTANG AJARAN ISLAM.

BELIAU KESAL KERANA SEJAK KEBELAKANGAN INI BANYAK SEKALI TELAH DAPAT BUKU ATAU KITAB YANG DICETAK OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU BUKAN UNTUK TUJUAN MEMPERLUASKAN ILMU PENGETAHUAN UMAT ISLAM TETAPI UNTUK KEPENTINGAN TERTENTU. -- LAGI
1954MST 02 10 90

0010

U B282 AAB
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI JUGA MENGAJAK UMAT ISLAM SUPAYA BEKERJA KERAS UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN DALAM PELBAGAI BIDANG KERANA KELEMAHAN MEREKA DALAM BIDANG-BIDANG PENTING SEPERTI EKONOMI, PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI MENYEBABKAN ORANG BUKAN ISLAM TIDAK BERMINAT UNTUK MENGHAMPIRI AGAMA ISLAM.

+BAGAIMANA ORANG BUKAN ISLAM MAHU MENGHAMPIRI AGAMA ISLAM JIKA UMATNYA BUKAN DARIPADA KALANGAN MANUSIA YANG BERJAYA, TIDAK JUJUR DAN SENTIASA BERPECAH BELAH?,+ KATANYA. -- BERNAMA